

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2017

Tawaran ini adalah terbuka kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkhidmat dalam skim perkhidmatan pendidikan yang mana ketua perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) dan dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (SPP).

1. Syarat Umum

Pegawai hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Pegawai juga hendaklah **mempunyai kelayakan Ijazah Pertama** yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya, berpengalaman selari dengan bidang yang dimohon serta perancangan laluan kerjaya pada masa hadapan.

2. Syarat Khusus

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Pegawai berumur **tidak melebihi 45 tahun** bagi pengajian peringkat **Kedoktoran** dan tidak melebihi **50 tahun** bagi permohonan peringkat Sarjana pada **1 Januari 2017**;
- iii) Pegawai hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 3 tahun (lantikan selewat-lewatnya 1 Januari 2014) pada tarikh tutup permohonan;
- iv) **Berkhidmat secara tetap dan telah disahkan dalam skim perkhidmatan** terkini pada tarikh tutup permohonan;
- v) Mencapai markah **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)** purata 85% ke atas bagi **tempoh genap 3 tahun dalam skim perkhidmatan terkini** berturut-turut (2014, 2015 dan 2016). **Penilaian** setahun LNPT mestilah **genap 12 bulan**. **Sekiranya tuan/puan pernah**

diluluskan Cuti Belajar dalam tempoh tersebut, sila kemukakan LNPT tahun sebelum/selepas tempoh Cuti Belajar;

vi) Memiliki syarat kelayakan akademik seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Kelulusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) atau setaraf	Tempoh Minimum Pengalaman Bekerja di Peringkat P&P (pada 1 Januari 2016)
Sarjana	2.00 – 2.49	10 Tahun
	2.50 – 2.99	5 Tahun
	3.00 dan ke atas	3 Tahun
Ph. D	Lulus Peringkat Sarjana	3 Tahun

- vii) **Disokong dan diperaku oleh Ketua Jabatan** (keutamaan akan diberikan kepada calon yang telah mendapat sokongan dan perakuan oleh Ketua Jabatan);
- viii) Belum memiliki kelayakan Ijazah Lanjutan di peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan;
- ix) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan mahkamah;
- x) Telah mengisytiharkan harta melalui sistem HRMIS;
- xi) Tidak tersenarai dalam senarai hitam KPM, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) atau badan-badan peminjam kerajaan yang lain;
- xii) Calon-calon adalah diwajibkan memilih bidang pengajian/kursus yang ditawarkan sahaja;
- xiii) Satu Kertas Cadangan **(dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris) perlulah disediakan untuk dibawa semasa sesi temuduga (sekiranya terpilih).;**
- xiv) Tempat pengajian adalah di **Universiti Awam (UA) Dalam Negara;**

- xv) Bagi pengajian peringkat Sarjana, Mod Pengajian yang dibenarkan adalah **Kerja Kursus dengan Disertasi/Tesis (Mod campuran) dan Mod Penyelidikan Sepenuhnya** sahaja. Bagi peringkat Kedoktoran, Mod Pengajian yang dibenarkan adalah **Mod Penyelidikan Sepenuhnya** sahaja;
- xvi) Tempoh Cuti Belajar bagi peringkat **Kedoktoran** adalah selama **36 bulan** (maksimum) dan peringkat **Sarjana** adalah antara **18 bulan** hingga **24 bulan** (maksimum) tertakluk kepada mod pengajian dan tempoh pengajian yang ditetapkan oleh universiti;
- xvii) **Kemasukan ke universiti adalah untuk pengajian sesi 2017/2018 ATAU yang mana-mana sesi kemasukan yang ditetapkan oleh Kementerian;**
- xviii) Pegawai adalah bebas daripada sebarang penyakit kronik seperti di **Lampiran E;**
- xix) Pegawai yang **sedang dalam cuti belajar/penajaan** Kementerian atau mana-mana penaja lain tidak layak memohon;
- xx) Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek yang terdahulu (dengan kemudahan Cuti Belajar/Penajaan) seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Layak Memohon
Lebih daripada 12 bulan	Selepas genap 2 Tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	Selepas genap 1 Tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- xxi) **Kementerian berhak membuat pindaan terhadap syarat-syarat permohonan, program yang ditawarkan, senarai bidang kursus dan tempat pengajian yang dibenarkan; dan**
- xxii) **Calon hanya boleh mengemukakan SATU permohonan sahaja dalam tempoh tawaran permohonan ini dibuka.**